

16 MAY 2003

PAKEJ-EKONOMI/I

PM AKAN UMUM PAKEJ RANSANGAN EKONOMI MINGGU DEPAN

Oleh: Mikhail Raj Abdullah & Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mengumumkan pakej ekonomi yang ditunggu-tunggu minggu depan bagi meransang ekonomi dengan mengurangkan masalah-masalah yang dihadapi industri-industri pelancongan dan perkhidmatan dan mengadakan sokongan kepada perniagaan yang terjejas oleh kejatuhan disebabkan wabak SARS.

Pakej ekonomi itu akan termasuk galakan-galakan untuk perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana -- iaitu tulang belakang penting ekonomi negara -- dan juga mengadakan galakan yang amat diperlukan kepada eksport hartanah yang merosot, yang , dedngan industri-industri sampingan boleh menjana faedah-faedah yang tepat masanya dan dan pelbagai.

Mengulas mengenai apa yang boleh dijangka mengenai pakej ekonomi, para penganalisis berkata, industri-industri perhotelan, pengembaraan dan pelancongan dan perkhidmatan amat memerlukan bantuan, yang bermakna penekanan pakej itu adalah untuk mengurangkan bebanan mereka.

Bank-bank mungkin diminta menyusun semula atau menggulung matang pinjaman mereka supaya tempoh pembayaran balik dipanjangkan, satu langkah yang malahan pemandu teksi, terutamanya mereka yang membeli atau memajak teksi, mungkin mendapat manfaat.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi baru-baru ini meminta bank-bank menyusun semula pinjaman mereka yang terbabit dalam industri hotel dan pengembaraan pada satu mesyuarat dengan ketua-ketua pegawai eksekutif bank.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir baru-baru ini mendedahkan bahawa terdapat kejatuhan yang mendadak dalam ketibaan pelancong. Cuma kira-kira 600,000 pelancong tiba dalam bulan April dari sejuta pada Januari, 985,000 pada Februari dan 817,000 pada Mac -- penurunan yang dikaitkan dengan kebimbangan amat sangat pelancong terhadap SARS.

Bagi hotel-hotel, kadar penginapan mereka menjunam kepada 25-30 peratus pada April.

Naib Presiden Persatuan Hotel-hotel Malaysia R. Nekvapil dipetik sebagai berkata bahawa jika kedudukan penginapan lemah itu berpanjangan, banyak hotel, terutamanya yang dimiliki secara bebas dengan rizab tunai yang tidak mencukupi, akan terpaksa "gulung tikar".

Tetapi sesetengah penganalisis berkata minggu pertama Mei telah memberikan sedikit cahaya harapan apabila terdapat peningkatan dalam penginapan, yang ke tahap tertentu, menunjukkan bahawa masalah bagi hotel-hotel sedang "menurun" di Malaysia.

Satu perkara yang mungkin membezakan pakej ekonomi Malaysia daripada yang diberikan oleh Hong Kong dan Singapura ialah Singapura tidak membantu individu.

Tetapi Malaysia bersedia menimbus jurang itu dengan membantu para majikan dan pekerja dan juga pemandu-pemandu teksi dan pemilik teksi melalui program-program yang akan menekankan kepada gunatenaga berterusan dan menyusun semula pinjaman bank para peminjam, kata seorang penganalisis.

Tetapi penganalisis itu menegaskan bahawa terdapat pengajaran yang boleh diambil daripada penyakit sekarang yang menjejaskan industri perhotelan: ia terlalu amat bergantung kepada pelancong asing.

Yang lebih penting dan bagi jangka panjang, penganalisis itu berkata, industri-industri perhotelan, pengembaraan dan pelancongan dan berkaitan

perkhidmatan patut menggalakkan pelancongan domestik secara besar-besaran.

Dengan cara ini, usaha mereka akan memberikan galakan seterusnya kepada penggunaan domestik.

"Kapasiti berlebihan dalam ekonomi mestilah dihentikan," kata penganalisis itu, sambil menambah bahawa industri perhotelan mesti berasaskan domestik.

Untuk masa kini, penggunaan domestik menyumbang kira-kira 50 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK), yang bermakna jika terus meningkat, Malaysia mungkin mengurangkan dengan drastik pergantungannya kepada pelancong-pelancong dan terimaan-terimaan asing.

Ke arah matlamat itu, penganalisis itu percaya bahawa kerajaan mungkin terus membantu mengurangkan kesan daripada SARS ke atas industri perkhidmatan dengan menunda penganan sama ada cukai-cukai jualan atau perkhidmatan sementara waktu atau mungkin malahan cukai pendapatan mereka yang terjejas.

Satu tabung khas untuk menubuhkan projek-projek pelancongan mungkin ditubuhkan, katanya.

Ciri penting pakej ekonomi yang akan diumumkan -- tidak seperti dua pakej rangsangan sebelumnya --- ialah bahawa kesan di kebanyakan kes akan dirasakan serta merta melalui wujudnya sama ada pinjaman-pinjaman atau skim-skim "khas".

Dengan kata lain, ia bukanlah semata-mata mengenai memberi wang. Sebaliknya, ia juga akan menggariskan cara untuk memperkukuhkan ekonomi domestik berlatarkan masa yang sukar ini. Itulah sebabnya kenapa pakej ekonomi itu dijangka bernilai kurang daripada RM3 bilion berbanding dengan RM3-5 bilion yang diramalkan sebelum ini.

"Kerajaan tidak boleh "menghadiahkan" RM4-RM6 bilion kerana itu akan mempunyai kesan buruk ke atas defisit belanjawan," kata penganalisis itu.

Punca masalah SKS -- kesukaran mereka mendapatkan dana, sama ada sebagai modal kerja atau untuk perkembangan -- berkemungkinan diatasi dalam pakej ekonomi itu.

Ini mungkin muncul dalam bentuk tabung khas untuk menyediakan akses lebih mudah kepada kredit. Sebagai satu galakan, pihak berkuasa mungkin menghapuskan keperluan mengadakan cagar.

Seperti pakej-pakej yang lalu, sektor perumahan dan hartanah akan juga tidak diabaikan, memandangkan kesan gandaannya.

Syarat-syarat bagi pemilikan harta mungkin dipermudahkan seperti menghapuskan duti-duti setem atau terbitan sijil kelayakan lebih cepat -- bidang-bidang yang memberi manfaat kedua-dua pemaju harta dan pembeli rumah.

Galakan yang amat dialu-alukan mungkin kelonggaran peraturan ke atas pemilikan harta oleh rakyat asing di mana mereka mungkin dibenarkan membeli hartanah berharga sekitar RM150,000 daripada had tertinggi sekarang sebanyak RM250,000.

Dalam jangka panjang, Jawatankuasa Pelaburan Asing mungkin digalakkan supaya menjadi lebih "mesra-pelabur" kerana kerajaan telah menyatakan sejak tahun lalu bahawa ia akan berusaha menurunkan kos berniaga di Malaysia.

Keseluruhannya, mesej yang paling penting yang akan terkandung di dalam pakej ekonomi itu ialah yang kerajaan bergerak dalam mengatasi masalah negara sekarang dan mengambil pendirian proaktif dalam menangani isu-isu secara berdepan dan mempertingkatkan kelebihan persaingan Malaysia dengan menggunakan sumber-sumber dan keupayaan-keupayaan domestik.

Ia tidak semata-mata mengenai mengagihkan wang kerajaan kepada semua tetapi mencari pendekatan terbaik dalam memastikan bahawa negara terus makmur melalui dasar-dasar ekonomi yang pragmatik. -- BERNAMA

MR/SHO SHY OS

